

LATIH TUBI SET 3**KERTAS 1**Jawab **semua** soalan.

Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A
(20 MARKAH)**Jawab **semua** soalanMasa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Rabbaniyyah bermaksud
- A. Ketuhanan
 - B. Penciptaan
 - C. Pembuktian
 - D. Kesaksian

2. Nabi dan rasul adalah manusia yang terpelihara daripada melakukan dosa.

Pernyataan di atas merujuk kepada :

- A. Karamah
 - B. Mukjizat
 - C. Maksum
 - D. Istidraj
3. Surah _____ ialah surah yang terpanjang sekali iaitu 286 ayat.
- A. Ali-Imran
 - B. Al-Nissak
 - C. Al-Baqarah
 - D. Al-Mukminun
4. Apakah hukum mencari harta secara halal ?
- A. Wajib
 - B. Sunat
 - C. Makruh
 - D. Harus
5. Rasulullah s.a.w pernah bekerja sebagai
- A. Peniaga
 - B. Petani
 - C. Pengukir
 - D. Pemburu

LATIH TUBI SET 3

6. Berikut adalah langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti kerja KECUALI
- Berdisiplin
 - Menepati masa
 - Perancangan rapi
 - Berpuashati dengan hasil kerja
7. Munakahat bermaksud
- Ikatan antara suami dan isteri untuk membina keluarga dan keturunan secara bertanggungjawab
 - Ikatan yang teguh antara lelaki dan perempuan melalui akad nikah yang sah untuk hidup sebagai suami isteri secara halal
 - Perhubungan yang erat antara suami dan isteri untuk membina keluarga bahagia
 - Pertalian yang utuh di antara lelaki dan perempuan dalam memelihara keturunan.
8. Berikut adalah rasul-rasul ulul azmi KECUALI
- Nabi Isa a.s.
 - Nabi Ibrahim a.s
 - Nabi Idris a.s
 - Nabi Muhammad s.a.w
9. Berikut adalah kebaikan makan gaji KECUALI .
- Pendapatan tetap
 - Tidak terikat dengan waktu
 - Kurang menanggung risiko
 - Boleh merancang waktu cuti
10. Sifat ketuhanan yang merujuk kepada semua peraturan hidup yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t yang merupakan pencipta dan penguasa alam ini.
- Pernyataan di atas merujuk kepada :
- Uluhiyyah
 - Waqi'iyah
 - Rabbaniyyah
 - Rubbubiyah
11. Antara berikut semuanya BENAR tentang prinsip Rabbaniyyah kecuali
- Islam diwahyukan oleh Allah s.w.t bukan ciptaan manusia
 - Perundangan Islam bersifat global menepati keseluruhan hidup manusia
 - Allah s.w.t pemberi peraturan hidup
 - Kesempurnaan hanya milik mutlak Allah s.w.t

LATIH TUBI SET 3

12. Berikut adalah cara yang disarankan untuk menyelesaikan masalah pergaulan bebas
- i. Didikan agama
 - ii. Menutup aurat
 - iii. Kawalan ibu bapa
 - iv. Mengasingkan diri
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, ii dan iv
D. i, iii dan iv
13. Islam menuntut umatnya bekerja kerana
- i. Bekerja merupakan ibadat dalam Islam
 - ii. Bekerja merupakan tanggungjawab setiap individu
 - iii. Bekerja menyukarkan umat Islam melakukan ibadat
 - iv. Bekerja menjadikan umat Islam bersikap materialistik
- A. i dan ii
B. iii dan iv
C. ii dan iii
D. i dan iv
14. Apakah kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t?
- i. Melahirkan sifat ikhlas
 - ii. Amanah dalam pekerjaan
 - iii. Cekap dan bersungguh-sungguh
 - iv. Malas mencari peluang
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, ii dan iv
D. i, iii dan iv
15. Ciri-ciri ibadat dalam Islam ialah .
- i. Bebas daripada sebarang bentuk perantaraan
 - ii. Boleh dilakukan dengan mudah
 - iii. Menepati keperluan mental dan fizikal manusia
 - iv. Tidak memerlukan tempat khusus untuk melakukan ibadat
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. i dan iv

LATIH TUBI SET 3

16. Berikut merupakan contoh ibadat khusus.
- i. Solat fardu
 - ii. Zakat harta
 - iii. Menuntut ilmu
 - iv. Bersedekah
- A. i dan ii
 - B. iii dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. i dan iv
17. Bagaimanakah Islam memelihara keturunan manusia ?
- i. Mewajibkan perkahwinan
 - ii. Mengharamkan perbuatan zina
 - iii. Memilih pasangan berharta
 - iv. Mengharamkan pergaulan bebas
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
18. Hikmat Allah s.w.t merahsiakan alam ghaib
- i. Menguji keimanan manusia
 - ii. Meningkatkan ketaqwaan
 - iii. Mempertingkatkan ilmu pengetahuan
 - iv. Membuktikan kekuasaan Allah s.w.t.
- A. i, ii dan iv
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv
19. Apakah kepentingan harta terhadap pembangunan negara ?
- i. Memajukan sektor ekonomi
 - ii. Menjadi modal untuk menjalankan perniagaan
 - iii. Meningkatkan keperluan asas institusi keluarga
 - iv. Meningkatkan taraf pendidikan masyarakat
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, ii dan iv
 - D. i, iii dan iv

LATIH TUBI SET 3

20. Perpaduan Islam dapat diwujudkan melalui aktiviti
- i. Konsert hiburan
 - ii. Hari keluarga
 - iii. Solat berjamaah
 - iv. Gotong-royong
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, iii dan iv
D. i, ii dan iv

**BAHAGIAN B
(20 MARKAH)**Jawab **semua** soalanMasa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**

1. Berikut adalah beberapa pernyataan tentang Al-Hadis.

Tuliskan maksud yang bersesuaian dengan pernyataan yang diberikan ke dalam ruangan yang disediakan.

- a) Hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w


- b) Hadis yang di dalamnya tidak terdapat sifat-sifat Hadis Sahih dan Hadis Hassan.

- c) Gelaran kepada orang yang boleh dipercayai dalam meriwayatkan hadis.

- d) Orang yang cukup kuat ingatan untuk mengingati sesuatu yang di dengar.

LATIH TUBI SET 3

2. Lengkapi pernyataan berikut.
- Memiliki harta merupakan _____ manusia.
 - Memperolehi harta secara haram ialah melalui kegiatan _____ dalam perniagaan.
 - Memperolehi harta secara halal _____ oleh Allah s.w.t.
 - Harta yang diperolehi melalui _____ sama ada sektor kerajaan atau sektor swasta adalah sumber harta yang halal.
3. Lengkapi carta di bawah berkaitan dengan proses kejadian manusia.



- a) Namakan peringkat X dan Y.

i. X : _____

LATIH TUBI SET 3

- ii. Y : _____
- b) Apakah alam yang dilalui oleh X dan Y

- c) Pada peringkat manakah Allah s.w.t meniupkan roh kepada manusia?

4. Tandakan sama ada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan (/) pada kotak berkenaan.

	<i>BENAR</i>	<i>SALAH</i>
a) Ibadat umum merangkumi solat, puasa, zakat dan haji yang diniatkan kerana Allah s.w.t	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) Proses kejadian manusia telah diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c) Sedekah merupakan bantuan yang wajib diberikan kepada fakir miskin yang memerlukan bantuan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d) Sesuatu pekerjaan menjadi ibadat selagi tidak mengganggu kepentingan awam dan alam persekitaran.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e) Al-Qias ialah menyandarkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya kepada sesuatu hukum yang mempunyai nas.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
f) Kesalahan takzir boleh dijatuhkan hukuman buang daerah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

LATIH TUBI SET 3**KERTAS JAWAPAN****Bahagian A****1 A B C D****2 A B C D****3 A B C D****4 A B C D****5 A B C D****6 A B C D****7 A B C D****8 A B C D****9 A B C D****10 A B C D****11 A B C D****12 A B C D****13 A B C D****14 A B C D****15 A B C D****16 A B C D****17 A B C D****18 A B C D****19 A B C D****20 A B C D**

BAHAGIAN A

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

LATIH TUBI SET 3**KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT****(100 MARKAH)**

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. i. Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu ?
[2 markah]
- ii. Akal merupakan anugerah Allah S.W.T kepada manusia.
Terangkan **tiga** peranan akal dalam meningkatkan keimanan dan mengagungkan kebesaran Allah S.W.T.
[6 markah]
- b. Percanggahan dalam sebarang pemikiran hendaklah diselesaikan dengan kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.
Berikan **dua** hujjah bagi menyokong pernyataan di atas.
[4 markah]
- c. (i) Terangkan maksud sekularisme dan kapitalisme :
[4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah untuk mengelakkan diri daripada fahaman tersebut.
[4 markah]
2. a. Antara prinsip alamiyyah ialah Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
 - i. Apakah yang dimaksudkan dengan menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
[4 markah]
 - ii. Kemukakan dua kepentingan menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran dilakukan secara seiring.
[4 markah]
- b. Setiap muslim hendaklah berusaha mewujudkan keamanan dan kemakmuran negara.
 - i. Terangkan **dua** konsep aman dan makmur dalam konteks negara Islam.
[4 markah]
 - ii. Bagaimana pemimpin dapat mewujudkan negara yang aman dan makmur.
[4 markah]
- c. Perpaduan merupakan satu daripada ciri utama Piagam Madinah
Terangkan **dua** strategi yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mewujudkan perpaduan di Madinah.
[4 markah]

LATIH TUBI SET 3

3. a. Pengurusan harta secara tidak berhemat membawa kepada pembaziran.
Terangkan **tiga** implikasi pembaziran terhadap individu. [6 markah]
- b. Riba adalah kegiatan ekonomi yang diharamkan oleh Islam.
i Nyatakan **dua** langkah untuk menangani masalah riba. [4 markah]
ii Terangkan **tiga** sebab kegiatan tersebut diharamkan. [6 markah]
- c. Terangkan **dua** keistimewaan pekerjaan yang halal di sisi Islam. [4 markah]
4. a. Wajib dan sunat adalah di antara hukum yang telah ditetapkan dalam Islam.
i Terangkan perbezaan di antara kedua-duanya beserta contoh. [6 markah]
ii Jelaskan **dua** hikmah Allah s.w.t. menetapkan hukum sunat. [4 markah]
- b. Perkahwinan yang sah adalah satu daripada ibadat yang dituntut dalam Islam.
I Huraikan bagaimanakah perkahwinan itu menjadi ibadat ? [6 markah]
ii Terangkan **dua** implikasi yang akan timbul jika berlaku hubungan luar nikah. [4 markah]
5. a. Undang-undang muamalah yang disyariatkan oleh Islam mempunyai pelbagai faedah kepada manusia.
i Terangkan **tiga** faedah bermuamalah menurut perspektif Islam. [6 markah]
ii Nyatakan **empat** contoh muamalah secara Islam yang dijalankan di Malaysia. [4 markah]
- b. Ada golongan yang berpendapat bahawa hukuman potong tangan terhadap pencuri yang terbukti (thabit) kesalahannya dianggap kejam.
Kemukakan **tiga** hujjah untuk menolak pendapat di atas. [6 markah]
- c. Hukum ta'zir (تعذير) tidak terhad dan tidak ditentukan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.
Nyatakan **empat** contoh hukuman bagi kesalahan ta'zir.

LATIH TUBI SET 3

[4 markah]

6. a. Di antara gejala yang melanda masyarakat kini ialah penderhakaan anak-anak terhadap ibu bapa mereka.
- (i) Terangkan **tiga** faktor perkara tersebut berlaku ? [6 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** aktiviti kekeluargaan yang boleh mengeratkan hubungan di antara sesama ahli keluarga. [4 markah]
- b. Memelihara dan memulihara alam sekitar adalah tanggungjawab manusia di muka bumi ini.
- (i) Terangkan **tiga** implikasi sekiranya manusia mengabaikan tanggungjawab tersebut. [6 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** program kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar. [4 markah]
7. a. Sejarah telah membuktikan bahawa kehancuran Qarun disebabkan sifat tamak dan mementingkan diri sendiri.
- i. Jelaskan **tiga** sebab mengapakah Islam melarang keras umatnya mementingkan diri sendiri. [6 markah]
- ii. Terangkan **dua** cara anda untuk menghindarkan sifat tersebut. [4 markah]
- b. Gejala rasuah mudah merebak di kalangan masyarakat kolar putih berbanding golongan lain.
- i. Huraikan **dua** hujah bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- ii. Jelaskan **tiga** alasan gejala rasuah perlu dibentaras. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LATIH TUBI SET 3

TASAWWUR ISLAM 5226/2

SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 2 SET 3

- 1 (a) (i) - Sesuatu yang disampaikan oleh Allah kepada para nabi dan rasulNya tentang syariat Islam dan hukumNya.

[2 markah]

- (ii) - Mengenal dan meyakini kewujudan Allah SWT .
 - Memahami wahyu Allah SWT.
 - Memahami ayat-ayat Allah SWT.
 - Menilai keindahan alam ciptaan Allah.
 - Membezakan perkara yang baik dan buruk.
 - Memakmurkan alam/membina tamadun.
 - memahami dan meyakini perkara ghaib.

mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (b) - Kebenaran al-Qur'an dan al-Sunnah adalah mutlak.
 - Kedua-duanya merupakan sumber rujukan utama/asas hukum.
 - Perundangannya bersifat kekal dan berterusan.

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (c) (i) - Sekularisme : satu kepercayaan/fahaman yang menganggap urusan keagamaan / ketuhanan tidak harus dicampurkan dengan urusan negara, politik dan pentadbiran.
 - Kapitalisme : Ideologi yang meletakkan individu mempunyai kebebasan mutlak.

(2 isi x 2 = 4 markah)

[4 markah]

- (ii) - Melakukan amal ibadat/perintah Allah dan meninggalkan larangannya.
 - Melibatkan diri dalam program ilmiah.
 - Mendapat pendidikan agama yang sempurna.
 - Menjauhkan diri daripada individu/kumpulan yang berfahaman mulhid.
 - Meningkatkan keimanan dan ketaqwaan.

(2 isi x 2 = 4 markah)

[4 markah]

LATIH TUBI SET 3

- 2 (a) i. **Menegakkan kebenaran**
 - Menggalakkan umatnya melakukan kebaikan / perbuatan mahmudah seperti tolong menolong, hormat menghormati dan sebagainya.

Mencegah kemungkaran

- Melarang umatnya melakukan kejahatan / meninggalkan perbuatan mazmumah contoh hasad dengki, khianat dan sebagainya
 -

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- Perbuatan yang dilakukan akan diberkati Allah s.w.t.
 - Mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat
 - Memupuk sifat wasatiah dalam menjalani urusan seharian

- (b) i - Mendaulatkan hukum/undang-undang Allah SWT.
 - Menegakkan keadilan
 - melaksanakan kebajikan
 - Menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii) - Melaksanakan perundangan Islam dalam pentadbiran negara.
 - Menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai dasar perundangan negara.
 - Menjamin kebajikan rakyat jelata.
 - Menegakkan keadilan dan mencegah kemungkaran.

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (c) - Mempersaudarakan kaum Arab di Madinah digelar Ansar
 - Mempersaudarakan kaum Ansar dan Muhajirin
 - Menyatupadukan orang-orang Yahudi dan Arab.
 - Semua penduduk Madinah bertanggungjawab menjaga keselamatan Madinah.
 - Menirikan masjid sebagai tempat menjalankan aktiviti kemasyarakatan

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- 3 (a) - Melahirkan individu yang mementingkan diri
 - Wujud individu yang berakhlak buruk
 - Mendekatkannya dengan amalan syaitan
 - Menyebabkan seseorang itu kehabisan wang/terpaksa berhutang/melakukan jenayah

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

LATIH TUBI SET 3

[6 markah]

- b. (i) - Menerangkan keburukan/pengharaman riba
 - Menubuhkan institusi kewangan Islam
 - Menggalakkan orang Islam mengamalkan perniagaan berlandaskan prinsip ekonomi Islam

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (ii) - Tedapat unsur penindasan.
 - Menimbulkan permusuhan/pergaduhan
 - Menimbulkan jurang perbezaan di antara golongan miskin dan kaya
 - Wujud golongan yang malas berusaha/bekerja dan mencari kekayaan dengan memeras
 - Mewujudkan golongan manusia yang tamak dan mementingkan diri sendiri

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii) - Menerangkan keburukan/pengharaman riba
 - Menubuhkan institusi kewangan Islam
 - Menggalakkan orang Islam mengamalkan perniagaan berlandaskan prinsip ekonomi Islam

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (c) - Mulia di sisi Allah SWT
 - Sentiasa diredhai Allah SWT
 - Mendapat kesejahteraan dan keselamatan
 - Terjamin kemajuan yang berkekalan
 - Mendapat keuntungan di dunia dan akhirat
 - Mendapat keberkatan di sisi Allah SWT

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 Markah]

4. (a) (i) - Wajib : Perkara yang diberi pahala jika mengerjakannya dan diberi dosa jika meninggalkannya./ Perkara yang mesti dilakukan.
- Contoh : Ibadah khusus seperti solat Fardu, puasa dan sebagainya.
 - Sunat : Perkara yang diberi pahala jika mengerjakannya dan tidak berdosa jika meninggalkannya / Perkara yang digalakkan melakukannya.
 - Contoh : Semua amalan sunat / amalan yang disertai niat

Maksud 2 markah
 Contoh 1 markah

LATIH TUBI SET 3

[6 markah]

- (ii) - Menggalakkan manusia melaksanakan perkara yang mendatangkan kebaikan hidup di dunia dan akhirat.
 - Memberi galakan kepada manusia beramal/melakukan perkara yang baik secara berterusan / berlumba-lumba melakukan kebaikan

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (b) (i) - Perkahwinan mengikut tuntutan syarak
 - Suami Isteri melaksanakan tanggungjawab
 - Perkahwinan yang mengikut sunnah nabi
 - Perkahwinan yang bermatlamatkan pembentukan generasi bertamadun/generasi solih dan bersih

Mana-mana 3 isi (3 x 2) = 6 markah

[6 markah]

- (ii) - Akan lahir anak luar nikah
 - Merosakkan nasab keturunan
 - Timbul tekanan fizikal dan mental
 - Penghinaan oleh masyarakat
 - Dijangkiti penyakit kelamin/Aids
 - Keruntukan akhlak/berlaku gejala sosial
 - Dilaknat oleh Allah/menerima azab di dunia/akhirat

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- 5 (a) (i) - Mengeratkan hubungan persaudaraan
 - Membangun ekonomi negara dan ummah
 - Menghindarkan kezaliman dan penindasan
 - Melaksanakan tuntutan Islam

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii) - al-Bai' bi Thaman Ajil/jual beli dengan harga bertanggung
 - Mudharabah
 - Qardhul hasan
 - al-Rahn
 - al-Takaful
 - al-Wadiah
 - al-Ijarah
 - al-Murabahah
 - al-Musyarakah

Mana-mana 4 isi (4 x 1)

[4 markah]

LATIH TUBI SET 3

- (b)
- Menjaga maslahat ummah
 - Mencuri adalah dosa besar
 - Untuk menjamin keselamatan harta benda masyarakat
 - Menimbulkan perasaan gerun/insaf dari melakukan perbuatan mencuri
 - Mendorong masyarakat berusaha mencari rezeki yang halal

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (c)
- Bergantung kepada pertimbangan hakim contohnya rotan,penjara,buang daerah,denda,rampas harta dan penghinaan di khalayak ramai

Mana-mana 4 isi (4 x 1)

[4 markah]

- 6 (a) (i)
- Kurang asuhan
 - Kurang pengetahuan/didikan agama
 - Ibu bapa kurang prihatin tentang keperluan anak-anak / ibu bapa sibuk dengan urusan kerja
 - Kurang suasana kasing sayang/kemesraan/layanan
 - Terpengaruh dengan budaya/persekitaran yang negatif

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii)
- Solat berjemaah
 - Riadah/rekreasi keluarga
 - Sesi dialog anak dan ibu bapa / mesyuarat keluarga
 - Ziarah menziarahi antara ahli keluarga

Mana-mana 4 isi (4 x 1)

[4 markah]

- (b) (i)
- Berlaku bencana alam / pencemaran/hakisan tanah/jerebu/banjir
 - Lapisan ozon semakin nipis
 - Banyak berlaku malapetaka/diturunkan berbagai bala
 - Rosak sistem jaringan makanan/sistem alam semulajadi

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii)
- Kempen mencintai alam sekitar
 - Ceramah kesedaran tentang penjagaan alam sekitar
 - Kempen alam sekitar melalui media massa / pendidikan
 - Pertandingan kebersihan/keceriaan
 - Penerapan dalam pendidikan di sekolah
 - Program kitar semula
 - Menanam semula pokok-pokok

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

LATIH TUBI SET 3

[4 markah]

- 7 (a) (i) - Memutuskan hubungan silaturrahim
 - Mewujudkan jurang antara golongan kaya dan miskin
 - Hilang perasaan belas kasihan/kasih sayang
 - Tiada semangat kerjasama/bantu membantu
 - Berlaku persengketaan/permusuhan / pergaduhan / huru-hara

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

- (ii) - Memupuk semangat bantu membantu
 - Mendapat didikan agama/asuhan yang sempurna
 - Mengamalkan sifat kesederhanaan
 - Muhasabah diri
 - Meningkatkan amal ibadat

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (b) (i) - Didikan agama yang tidak sempurna
 - Pengaruh cara hidup mewah / cintakan duniawi
 - Kos sara hidup yang semakin tinggi
 - Keimanan/ketaqwaan yang lemah
 - Sifat tamak haloba / ingin cepat kaya

Mana-mana 2 isi (2 x 2)

[4 markah]

- (ii) - Merosakkan akhlak
 - Ekonomi mundur
 - Berlaku penipuan/manipulasi
 - Maruah agama/negara tercemar
 - Berlaku permusuhan/hasad dengki
 - Pentadbiran menjadi lemah
 - Tidak wujud keadilan dalam pembahagian kekayaan/harta benda

Mana-mana 3 isi (3 x 2)

[6 markah]

LATIH TUBI SET 3

CATATAN

LATIH TUBI SET 3

CATATAN